

## ABSTRAK

Kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji, menganalisa dan mendalami penggunaan mubtada' nakiraṭ dan khabar ma'rifaṭ di dalam nahu bahasa Arab. Dalam kajian ini penulis telah meneliti pendapat dan tulisan-tulisan para ahli nahu bahasa Arab terhadap bentuk- bentuk penggunaan mubtada' nakiraṭ dan khabar ma'rifaṭ .

Dalam kajian ini juga penulis telah menganalisa penggunaan mubtada' nakiraṭ dan khabar ma'rifaṭ di dalam ayat-ayat al-Quran mengikut bentuk- bentuk penggunaan yang telah disebut oleh ahli-ahli nahu bahasa Arab.

Selain itu, penulis telah menjadikan fokus utama kajian ini dengan meneliti dan menganalisa ayat-ayat dari Surah al-Baqarah serta mengeluarkan potongan-potongan ayat yang berkaitan dengan kedua-dua konsep tersebut.

Hasil dari penelitian penulis terhadap tulisan ahli-ahli nahu bahasa Arab terhadap penggunaan kedua-dua konsep tersebut, penulis mendapati terdapat tiga puluh dua bentuk penggunaan mubtada' nakiraṭ sementara penggunaan khabar ma'rifaṭ hanya berlaku dalam satu bentuk sahaja iaitu apabila mubtada' yang digunakan juga dalam bentuk ma'rifaṭ.

Hasil dari penelitian dan analisa yang telah penulis lakukan terhadap keseluruhan ayat-ayat al-Quran secara umumnya, penulis mendapati penggunaan mubtada' nakiraṭ berlaku hanya pada lapan belas bentuk . Sementara itu bagi konsep khabar ma'rifaṭ pula terdapat begitu banyak penggunaannya dengan satu bentuk yang disebutkan itu. Setiap surah mengandungi ayat-ayat yang menunjukkan penggunaannya.

Penulis mendapati terdapat tiga puluh lima ayat dari surah al-Baqarah yang menggunakan konsep mubtada' nakiraṭ dengan hanya sembilan bentuk sementara terdapat dua puluh enam ayat yang menggunakan konsep khabar ma'rifat dengan satu bentuk.

Hasil keseluruhan kajian ini mendapati bahawa topik-topik kecil yang dibincangkan ini perlu diketengahkan supaya ilmu bahasa Arab yang luas itu dapat diperdalam.

## ABSTRACT

This research has been conducted to analyse in detail the usage of *mubtada' nakirat* and *khobar ma'rifat* in Arabic language. In this research the writer has thoroughly investigated the opinion and the paper work of the Arabic language nahus on the significant of the usage of *mubtada' nakirat* and *khobar ma'rifat*.

This research also has been conducted to analyse in detail the usage of *mubtada' nakirat* and *khobar ma'rifat* in Arabic language nahu. The researcher in this research has investigated the opinions and the paper work of other researchers to identify the reasons of the less usage of *mubtada' nakirat* and *khobar ma'rifat* among the Arabic language students.

This research also analyse the usage of *mubtada' nakirat* and *khobar ma'rifat* in Al-Quran based on the other Arabic language nahus where by `Surah Al-Baqarah` has been focused and used thoroughly to conduct this research.

According to the analysis done by the researcher on the Arabic language nahus the usage of both concept above happen because of thirty two reasons which allows the usage of *mubtada' nakirat*. Besides that, the usage of *khobar ma'rifat* is also allowed to be used in one patent only, with *mubtada'* which is also *ma'rifat*.

On the other hand, based on the research done in Al-Quran, it shows that there are only eighteen reasons of *mubtada' nakirat* usage. However the usage of *khobar ma'rifat* is widely used in each and every sentences in Surah Al-Baqarah. About thirty five sentences from Surah Al-Baqarah used the concept of *mubtada' nakirat* with an exceptions where as the concept of *khobar ma'rifat* is found in twenty six sentences.

As a conclusion most of the unfocused issues should be highlighted in order to understand and spread the usage of Arabic language.